



PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM NEGERI KELANTAN

Siti Hasnah Binti Daud

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan seni)
2014**

KAJIAN PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM NEGERI KELANTAN

SITI HASNAH BINTI DAUD
32939

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the**20**.....day of.....**JUN**.....2014.

Student's Declaration:

I **SITI HASNAH BINTI DAUD, 32939, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**
(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the
work entitled **PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM NEGERI KELANTAN**
..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other
sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any
part been written for me by another person.

20 JUN 2014
Date submitted

Siti Hasnah Binti Daud (32939)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **Encik Alexander A/K Chelum** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled **PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM NEGERI KELANTAN**
..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the
"FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of **IJAZAH SARJANA**
MUDA DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and
the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: Encik Alexander A/K Chelum Date: 20 JUN 2014
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____ Supervisor signature: _____
(20 JUN 2014) (20 JUN 2014)

Current Address:

Kampung Berek Banggu, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu Kelantan.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Kelantan** ini telah disediakan oleh **Siti Hasnah Binti Daud** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(En.Alexander A/K Chelum)

Tarikh:

CONFESSION

The project entitled **Collection Management in Kelantan State Museum** was prepared by **Siti Hasnah Binti Daud** and submitted to the Faculty of Applied and Creative Arts in partial fulfillment of the requirements for a Bachelor of Applied Arts with Honours Arts Management.

Received for examination by:

(En.Alexander A/K Chelum)

Date:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.....

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan kajian ini dengan lancar dan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah Pengurusan Seni, terutama sekali kepada penyelia saya iaitu Encik Alexander Ak Chelun yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan, dorongan dan semangat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar daripada beliau mungkin kajian ini tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada keluarga saya di atas pengorbanan mereka dalam memberikan nasihat, semangat, bimbingan dan dorongan serta bantuan kewangan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada iaitu Encik Wan Jaafar Bin Wan Yusoff seorang Penolong Kurator, Encik Ali Riduan merupakan Penyelia Muzium, Encik Rosli Bin Yusoff seorang Pembantu Operasi, Puan Siti Nor Farhana Binti Che Lah merupakan Pengurusan

Rekod dan Penyelenggaraan Stor dan Roslan Ibrahim iaitu Pembantu Kanan Muzium kerana telah banyak memberi kerjasama, bantuan dan maklumat dalam menjayakan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang disayangi, terima kasih banyak memberi bantuan dan sokongan kepada saya semasa menjalankan kajian ini, Akhir kata dari saya, terima kasih atas segalanya. Jasa kalian amat dihargai dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	
BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	
PENGAKUAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	v
ABSTRAK.....	xiv
ABSTRACT.....	xvi
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 PENDAHULUAN.....	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	2
1.2.1 ASAL USUL NEGERI KELANTAN.....	2
1.2.2 SEJARAH ASAL SEBUAH MUZIUM.....	5
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN.....	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	7
1.5 SOALAN KAJIAN.....	8
1.6 HIPOTESIS KAJIAN.....	9
1.7 SKOP KAJIAN.....	10
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN.....	11
1.8.1 PENGKAJI.....	11
1.8.2 PIHAK MUZIUM.....	11
1.8.3 MASYARAKAT.....	12
1.9 KERANGKA KAJIAN.....	13
1.10 KESIMPULAN.....	14

BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 PENGENALAN.....	15
2.1.1 LATAR BELAKANG MUZIUM NEGERI KELANTAN.....	16
2.2 DEFINISI MUZIUM.....	18
2.3 PERANAN PIHAK MUZIUM DALAM MENGURUSKAN KOLEKSI.....	21
2.4 PENGURUSAN KOLEKSI.....	22
2.5 PENDIDIKAN MUZIUM.....	29
2.6 KESIMPULAN.....	32

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN.....	33
3.2 LOKASI KAJIAN.....	34
3.3 SUMBER DATA.....	35
3.3.1 DATA PRIMER.....	35
3.3.2 KAEDAH KUALITATIF.....	35
3.3.2.1 Temuramah.....	36
3.3.2.2 Fotografi.....	36
3.3.2.3 Pemerhatian.....	36
3.3.3 DATA SEKUNDER.....	37
3.4 INSTRUMEN KAJIAN.....	39
3.5 BATASAN KAJIAN.....	40
3.6 POPULASI.....	42
3.7 PERSAMPELAN.....	43
3.8 KESIMPULAN.....	44

BAB 4 : ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan.....	45
4.2	Analisa Data.....	46
4.2.1	Kaedah Temuramah.....	46
4.3	Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Kelantan.....	47
4.3.1	Kaedah Perolehan Koleksi.....	47
4.3.1.1	Kaedah Melalui Pembelian.....	48
4.3.1.2	Kaedah Melalui Hadiah.....	51
4.3.1.3	Kaedah Melalui Pinjaman.....	54
4.3.1.4	Syarat-Syarat Pinjaman.....	56
4.3.1.5	Kaedah Melalui Jumpaan dan Lain-lain.....	58
4.3.2	Penjagaan Koleksi.....	62
4.3.3	Penyimpanan Koleksi.....	67
4.3.4	Kaedah Penyimpanan Data.....	73
4.3.4.1	Pendaftaran Koleksi.....	74
4.4	Pemerhatian.....	82
4.5	Kesimpulan.....	86

BAB 5 : CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan.....	87
5.2	Rumusan.....	88
5.3	Cadangan Kajian.....	90
5.4	Cadangan untuk Pengkaji Akan Datang.....	94
5.5	Kesimpulan.....	96

LAMPIRAN

RUJUKAN/BIBLIOGRAFI.....	97
LAMPIRAN A : SOALAN TEMURAMAH.....	100
LAMPIRAN B : KAKITANGAN MUZIUM.....	101
LAMPIRAN C : KOLEKSI DI MUZIUM NEGERI KELANTAN.....	102

SENARAI GAMBAR

GAMBAR 1	Peta Negeri Kelantan	2
GAMBAR 2	Latar Belakang Muzium Negeri Kelantan	16
GAMBAR 3	Lokasi Kajian	34
GAMBAR 4	Kaedah Perolehan Melalui Pembelian	49
GAMBAR 5	Kaedah Perolehan Melalui Hadiah	52
GAMBAR 6	Kaedah Perolehan Melalui Pinjaman	57
GAMBAR 7	Kaedah Perolehan Melalui Jumpaan dan Lain-Lain	60
GAMBAR 8	Contoh Koleksi Tekstil	64
GAMBAR 9	Contoh Koleksi Besi, Logam, Kayu	66
GAMBAR 10	Sistem Tertingkat	71
GAMBAR 11	Sistem Penggunaan Bekas	71
GAMBAR 12	Sistem Penggantungan di Dinding	71
GAMBAR 13	Sistem Simpanan Boleh Lihat	71
GAMBAR 14	Contoh “tag card”	76
GAMBAR 15	Contoh Doket	77
GAMBAR 16	Bilik Tayang	83
GAMBAR 17	Contoh Koleksi Wayang Kulit	84

SENARAI GAMBAR RAJAH

GAMBAR RAJAH 1	Kaedah Perolehan Koleksi	47
GAMBAR RAJAH 2	Penjagaan Koleksi	62

SENARAI CARTA ALIRAN

CARTA 1	Kerangka Kajian	13
CARTA 2	Perolehan Secara Pembelian	50
CARTA 3	Perolehan Secara Hadiah	53
CARTA 4	Perolehan Secara Pinjaman	55
CARTA 5	Perolehan Secara Jumpaan atau Sumber Lain-Lain	61
CARTA 6	Jenis Sistem Penstoran	67
CARTA 7	Proses Penyimpanan Koleksi	72
CARTA 8	Proses Pendaftaran Koleksi	81

SENARAI JADUAL

JADUAL 1	Contoh Borang Merekod Kemasukan Data Koleksi	79
JADUAL 2	Contoh Borang Pinjaman Koleksi	80

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN B

INFORMEN 1	Encik Wan Jaafar Bin Wan Yusoff
INFORMEN 2	Encik Ali Riduan
INFORMEN 3	Encik Roslan Bin Ibrahim

LAMPIRAN C

GAMBAR 1	Asal Usul Nama Kelantan
GAMBAR 2	Menteri-Menteri Besar Kelantan
GAMBAR 3	Motosikal Kalsik 1969
GAMBAR 4	Dulang Tembaga
GAMBAR 5	Mesin Taip Huruf Jawi 1960-an
GAMBAR 6	Destar
GAMBAR 7	Permainan Tradisional Kertok
GAMBAR 8	Seni Persembahan Menora
GAMBAR 9	Permainan Tradisional Congkak
GAMBAR 10	Permainan Tradisional Gasing
GAMBAR 11	Permainan Tradisional Rebana Ubi
GAMBAR 12	Permainan Tradisional Wau

ABSTRAK

Kajian diskriptif ini merupakan kajian Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Kelantan. Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah mengenai pengurusan koleksi di muzium dari aspek perolehan, penjagaan, penyimpanan koleksi dan kaedah pengumpulan data. Pihak muzium telah berkesan memperolehi koleksi melalui aspek perolehan dengan cara pembelian, hadiah, pinjaman dan sumber lain. Seterusnya, melalui kaedah penjagaan, pihak muzium telah menitikberatkan dari aspek cahaya, suhu, kelembapan dan persekitaran untuk menjaga koleksi di muzium. Kaedah penyimpanan koleksi atau penstoran, pihak muzium telah menggunakan sistem penyimpanan secara terbuka dan penyimpanan tertutup. Akhir sekali, kaedah penyimpanan data yang digunakan oleh pihak muzium adalah melalui sistem penyimpanan data secara manual. Kajian ini menggunakan data kuantitatif dan kualitatif dan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui kaedah temubual dengan menemubual seramai lima orang responden. Responden yang terlibat dalam temuramah ini terdiri daripada kakitangan Muzium Negeri Kelantan iaitu Encik Wan Jaafar Bin Wan Yusoff seorang Penolong Kurator, Encik Ali Riduan merupakan Penyelia Muzium, Encik Rosli Bin Yusoff seorang Pembantu Operasi, Puan Siti Nor Farhana Binti Che Lah merupakan Pengurusan Rekod dan Penyelenggaraan Stor dan Roslan Ibrahim iaitu Pembantu Kanan Muzium. Sebanyak satu set soalan temubual telah dibuat semasa sesi temuramah dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada pemerhatian pengkaji pengurusan koleksi yang melibatkan aspek perolehan, penjagaan, penyimpanan dan pengumpulan data di Muzium Negeri Kelantan adalah pada tahap sederhana. Daripada dapatan antara cadangan untuk memperbaiki pengurusan koleksi di muzium dalam menyampaikan

maklumat di Muzium Negeri Kelantan adalah dengan mengaplikasikan kaedah pengurusan koleksi secara sistematik dan penyimpanan data secara manual kepada sistem berkomputer supaya kaedah penyimpanan data lebih mudah dan teratur.

ABSTRACT

This descriptive study is the study of Collection Management in Kelantan State Museum. The objectives to be achieved in this study is the management of the collection at the museum of the procurement, maintenance, storage and data collection methods. The museum has effectively acquired the collection through the procurement by purchase, gift, loans and other sources. Next, by means of care the museum has emphasized the aspect of light, temperature, humidity and the environment to keep the collection at the museum. Methods of collection storage the museum has been using the storage system in an open and closed storage. Finally, the method of data storage that is used by the museum is through manual data storage system. This study uses quantitative and qualitative data and methods used to obtain the data is through interviews with respondents interviewed five people. Respondents involved in this interview consists of Kelantan State Museum staff, Mr Wan Jaafar Bin Wan Yusoff Assistant Curator, Mr. Ali Riduan a Museum Supervisor, Mr. Rosli Bin Yusoff an Operations Assistant, Mrs Siti Nor Farhana Binti Che Lah is Records Management and Maintenance, Mr Roslan Ibrahim Senior Museum Assistant. Set of interview questions were made during interviews conducted. The results showed that the observation of collection management that involves the procurement, maintenance, storage and data collection at the Museum of Kelantan was moderate. The findings of recommendations to improve the management of collections in museums in presenting information in Kelantan State Museum is by applying a systematic collection and management of data storage on a manual to a computerized system approach to data storage more convenient and organized.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pada bahagian yang pertama ini, pengkaji akan menerangkan berkaitan dengan tempat kajian yang dikaji iaitu di Muzium Negeri Kelantan. Pengkaji juga ingin menyatakan objektif kajian yang dijalankan dan tujuan kajian ini dijalankan. Dalam bahagian satu ini juga pengkaji akan menceritakan berkaitan skop kajian yang dijalankan oleh pengkaji sama ada skop kajian yang dijalankan berskala kecil atau berskala besar.

Permasalahan kajian yang terdapat dalam kajian ini turut dinyatakan dalam bahagian ini. Persoalan yang timbul juga akan dinyatakan dalam bahagian satu ini kerana terdapat beberapa persoalan yang timbul dan pengkaji harus menjawab persoalan tersebut supaya penyelidikan yang dijalankan menemui kebenaran. Seterusnya dalam bab ini juga pengkaji akan menyatakan tentang kepentingan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana terdapat beberapa kepentingan kajian yang perlu untuk pengkaji kaji berkaitan keberkesanan pengurusan muzium ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian berkaitan dengan pengurusan koleksi di Muzium Negeri Kelantan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang pengurusan koleksi muzium dari aspek perolehan, penjagaan, penyimpanan koleksi dan kaedah penyimpanan data. Ini boleh diterjemahkan melalui hasil temubual yang telah dijalankan bersama-sama dengan kakitangan muzium yang pakar dalam bidang pengurusan koleksi muzium. Kajian ini penting kerana untuk mengetahui cara pengurusan Muzium Negeri Kelantan di dalam aspek pengurusan koleksi.

1.2.1 ASAL USUL NEGERI KELANTAN



Gambar 1 : Peta Negeri Kelantan

Nama "Kelantan" dikatakan pencemaran daripada perkataan "gelam hutam", iaitu nama Melayu bagi pokok "Melaleuca leucadendron". Ada juga yang mengatakan bahawa namanya datang daripada perkataan "kilatan" atau "kolam tanah".

Negeri Kelantan yang mempunyai seni budaya tradisional yang unik ini juga mempunyai sejarah persinggahan yang menarik. Baginda Sultan Ahmad mangkat pada 1589M, sewaktu puteri Baginda Cik Siti Wan Kembang berusia 4 tahun, dan oleh sebab itu Raja Hussein dari Johor telah dilantik menjadi Pemangku Raja Pemerintah Kelantan. Bila Raja Hussein mangkat pada 1610M (1018H), maka Cik Wan Kembang ditabal menjadi Raja Kelantan. Baginda bersemayam di Gunung Chinta Wangsa, Ulu Kelantan, kira-kira 40 kilometer ke arah Tenggara Kuala Krai.

Pemerintahan Cik Siti Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa menjadi masyhur menyebabkan banyak dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari dalam dan luar negeri termasuk juga orang-orang Arab yang menggelarkan Cik Wan Kembang dengan panggilan "Paduka Cik Siti". Baginda mempunyai seekor kijang. Gambar kijang ini telah diterap diatas wang emas dengan perbelanjaan negeri, dan kemudiannya diabadikan pula sebagai sebahagian daripada Lambang Kebesaran Negeri Kelantan yang berkekalan hingga ke hari ini dengan megahnya. Hubungan baik telah terjalin di antara Kerajaan Cik Siti Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa, dengan Kerajaan Loyor di Jembal. Baginda Cik Siti Wan Kembang telah mengambil Puteri Saadong sebagai anak angkat yang akan mewarisi takhta kerajaan sepeninggalannya nanti, kerana Baginda tidak mempunyai puteri ataupun putera sebab Baginda tidak pernah berkahwin.

Puteri Saadong seorang gadis ayu yang cantik dan jelita, digelar oleh penduduk Gunung Chinta Wangsa sebagai Puteri Wijaya Mala. Perihal kecantikan Puteri Saadong itu telah sampai kepada Maharaja Siam yang menghantar utusan untuk meminang Puteri Saadong, tetapi ditolak. Puteri Saadong telah dikahwinkan dengan Raja Abdullah iaitu sepupunya, dan telah dimahkotakan di Kota Tegayong (Tanah Serendah Sekebun Bunga Cherang Tegayong) dan kemudiannya dipindahkan ke Kota Jelasin di Kota Mahligai.

Puteri Saadong telah diculik oleh Maharaja Siam dan telah dibawa ke Siam, kerana kesetiaannya pada suami Baginda tidak boleh disentuh oleh Maharaja Siam. Setelah Puteri Saadong kembali ke Kelantan telah berlaku pergaduhan dengan Raja Abdullah. Akibat dari pergaduhan itu Raja Abdullah terkorban kerana terkena tikaman cucuk sanggul Puteri Saadong.

Selepas kemangkatan Raja Abdullah, Puteri Saadong telah melantik Raja Abdul Rahim iaitu saudara Raja Abdullah menjadi Sultan di Kota Mahligai pada 1671M (1082H) dan dikahwinkan dengan janda Raja Abdullah, anak Penghulu Ngah Jembal. Selepas itu, Puteri Saadong menjadi Raja di Bukit Marak dan sejak itu kisahnya tidak dapat dikesan lagi. Selepas itu Raja Abdul Rahim telah mangkat ditikam oleh rakyatnya ditepi Tasek Lelayang mandi. Dengan itu putuslah sejarah Kerajaan Mahligai dan wujud pula Kerajaan Jembal yang pada waktu itu terletak dibawah pemerintahan Raja Omar yang bergelar Sultan Omar pada 1675M (1086H).

1.2.2 SEJARAH DAN ASAL-USUL SEBUAH MUZIUM

Sesebuah bangunan yang dibina mempunyai konsep-konsep atau matlamatnya yang tersendiri. Begitu juga dengan konsep dan tujuan asal pembinaan sesebuah muzium adalah bergantung kepada beberapa aspek yang tertentu.

Pada asalnya muzium dibina untuk dijadikan sebuah tempat milik orang ramai. Matlamat ini timbul sejak zaman revolusi Perancis lagi. Timbulnya rasa penghargaan terhadap barang-barang sejarah yang bermutu dan berharga, akhirnya telah mendorong pembinaan sebuah muzium. Mulanya, barang-barang yang berharga dan tidak ternilai mutu keaslian seninya ini, hanya dikumpulkan oleh orang-orang kaya untuk mendapatkan pengetahuan secara perseorangan atau diri mereka sendiri.

Dengan perkembangan revolusi inilah seterusnya menjadikan perkembangan penggunaan muzium untuk orang ramai. Barang-barang bersejarah yang terdahulu menjadi milik individu kini telah ditempatkan didalam sebuah bangunan yang menjadi milik orang ramai, iaitu muzium. Dengan terbinanya muzium, maka orang ramai berpeluang memiliki dan mengambil manfaat dari segi pembelajaran melalui artikel-artikel yang terdapat di dalam bangunan tersebut.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian atau “*the problem statement*” dapat disimpulkan dengan kenyataan berikut : “*The problem statement describes the context of the study and it also identifies the general*”. Menurut Sabitha Marican (2005) dalam bukunya yang sama iaitu kaedah penyelidikan sains sosial “Permasalahan kajian ialah penyajian yang jelas tentang pernyataan masalah yang berkaitan dengan pembolehubah yang dikaji. Maksudnya apakah permasalahan yang dihadapi sehingga ia perlu dikaji”. Pengkaji telah menemui beberapa persoalan dalam menjalankan kajian dan inilah yang menjadikan masalah. Permasalahan tersebut adalah seperti berikut:

Penyelidikan yang dibuat adalah berkaitan dengan pengurusan koleksi di Muzium Negeri Kelantan. Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa permasalahan kajian yang bakal dikaji oleh pengkaji. Antaranya aspek pengurusan koleksi seperti perolehan, penjagaan, penyimpanan koleksi dan penyimpanan data amat penting dalam organisasi seperti muzium. Kelemahan pada bahagian ini sudah tentu boleh mengganggu usaha sesebuah muzium dalam memelihara dan memulihara koleksi warisan budaya yang terdapat dalam sesebuah muzium.